



جامعة حکم شریعہ نegeri جوهر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks: 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (56)
Takwim : ~~18~~ Muharam 1447H
Tarikh : ~~14~~ Julai 2025

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Pendaftar-pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 10 TAHUN 2025**

Amalan Rafa' Persetujuan Bersama

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syar'i Negeri Johor Bil. 2/2025 bertarikh 18 Jun 2025 bersamaan 21 Zulhijjah 1446H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Amalan Rafa' Persetujuan Bersama dalam kes Mal yang direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah terhadap apa-apa perkara yang mana kausa tindakannya adalah di luar bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah tetapi di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah sama ada pihak-pihak diwakili Peguam Syarie ataupun tidak adalah sebagaimana di Lampiran A.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 16 Julai 2025.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

AMALAN RAFA' PERSETUJUAN BERSAMA

1. Pemakaian

Arahan Amalan ini terpakai dalam apa-apa prosiding pengendorsan persetujuan bersama dalam kes Mal yang direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah terhadap apa-apa perkara yang mana kausa tindakannya adalah di luar bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah tetapi di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah sama ada pihak-pihak diwakili Peguam Syarie ataupun tidak.

2. Hakim Mahkamah Rendah Syariah merekodkan persetujuan bersama

Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah memastikan perkara-perkara berikut sebelum merekodkan apa-apa persetujuan bersama:-

- (i) Persetujuan bersama itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak dan undang-undang;
- (ii) Semua pihak yang terlibat adalah pihak-pihak dalam kes tersebut;
- (iii) Perkara yang dipersetujui adalah di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah; dan
- (iv) Dokumen-dokumen yang berkaitan dikemukakan kepada Mahkamah.

3. Terma Perintah/Penghakiman Mahkamah Rendah Syariah

Apabila merekodkan persetujuan bersama tersebut, Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah:-

- (i) dengan kehendaknya sendiri, memerintahkan persetujuan bersama tersebut *dirafa'kan* ke Mahkamah Tinggi Syariah yang berbidang kuasa untuk pengendorsan;
- (ii) menyusun terma-terma perintah secara perenggan bernombor;
- (iii) mengasingkan terma-terma persetujuan bersama terhadap perkara yang mana kausa tindakannya di luar bidang kuasa Mahkamah

Rendah Syariah daripada terma-terma persetujuan bersama terhadap perkara yang mana kausa tindakannya di dalam bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah; dan

(iv) menyatakan tarikh, masa, kaedah dan kehadiran pihak-pihak ketika persetujuan bersama tersebut direkodkan.

4. Penyediaan dan Penyerahan Dokumen ke Mahkamah Tinggi Syariah

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah menyedia dan menyerahkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah:-

- i) Surat iringan;
- ii) Perintah Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang merekodkan Persetujuan Bersama tersebut dan *merafa'kannya* ke Mahkamah Tinggi Syariah;
- iii) Perintah *Rafa'* Persetujuan Bersama (**Lampiran B**), jika perintah *raka'* dibuat berasingan daripada perintah/penghakiman yang mengandungi Persetujuan Bersama tersebut;
- iv) Notis *Rafa'* Persetujuan Bersama (**Lampiran C**); dan
- v) Dokumen berkaitan.

5. Notis *Rafa'*

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah hendaklah menyerahkan Notis *Rafa'* Persetujuan Bersama (**Lampiran C**) kepada pihak-pihak atau Peguam Syarie bersama Perintah/Penghakiman Mahkamah Rendah Syariah dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah.

6. Pendaftaran

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mendaftarkan kes tersebut menggunakan kod kes yang berkaitan.

7. Pengecualian Fi

Tiada fi dikenakan bagi keseluruhan prosiding *Rafa'* di bawah Arahan Amalan ini.

8. Kehadiran pihak-pihak

Kecuali diperintahkan selainnya oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, tiada keperluan kehadiran pihak-pihak ketika prosiding pengendorsan persetujuan bersama tersebut.

9. Kuasa Hakim Mahkamah Tinggi memerintahkan pengemukaan dokumen dan kehadiran pihak-pihak.

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh:-

- (i) memerintahkan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah dan/atau mana-mana pihak mengemukakan apa-apa dokumen lain yang berkaitan; atau
- (ii) memanggil pihak-pihak di dalam prosiding pengendorsan tersebut.

10. Pengendorsan Perintah/Penghakiman

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mengendorskan dan mengeluarkan satu perintah/penghakiman berkaitan pengendorsan tersebut dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

11. Proses Kerja

Proses kerja bagi Amalan *Rafa'* Persetujuan Bersama adalah sebagaimana **Lampiran D.**

12. Lain-lain

Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama seksyen 89, 90, 91 dan 93 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Arahan Amalan berikut adalah tidak terpakai di dalam Amalan *Rafa'* Persetujuan Bersama:-

- (i) Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No.7 Tahun 2008: Borang *Merafa'kan* Kes daripada Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah; dan
- (ii) Arahan Amalan YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Johor Bil. 3 Tahun 2021: Tatacara Pemindahan Prosiding Kes Mal.

Lampiran B

Perintah *Rafa'* Persetujuan Bersama

Minit Hakim Mahkamah Rendah Syariah Memerintahkan Persetujuan Bersama yang direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah *Dirafa'kan* ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk Pengendorsan

Kes Mal Bilangan:

Kepada,

Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah

Tuan/Puan,

Setelah diteliti saya berpuas hati bahawa persetujuan bersama yang direkodkan Mahkamah Rendah Syariah adalah dalam kausa tindakan Mahkamah Tinggi Syariah. Selaras dengan peruntukan seksyen 93 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, maka saya memerintahkan persetujuan bersama tersebut *dirafa'kan* ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendapatkan perintah pengendorsan sewajarnya.

.....
Hakim

Mahkamah Rendah Syariah

Tarikh:

Lampiran C

Notis Rafa' Persetujuan Bersama

Kes Mal Bilangan:

Kepada:

- (i) Setiap pihak (atau Peguam Syarie bagi setiap pihak)
- (ii) Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah

Ambil perhatian bahawa persetujuan bersama yang mana bidang kuasanya adalah termasuk di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah yang telah direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah ini telah *dirafa'kan* ke Mahkamah Tinggi Syariah bagi tujuan mendapatkan perintah pengendorsan daripada Mahkamah tersebut. Pihak-pihak boleh mendapatkan perintah pengendorsan daripada Mahkamah Tinggi Syariah tersebut dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh pendaftaran kes di Mahkamah Tinggi Syariah.

Bertarikh pada haribulan 20

.....

Penolong Pendaftar

Mahkamah Rendah Syariah

Tarikh:

Lampiran D

Proses Kerja Amalan Rafa' Persetujuan Bersama

Singkatan

Bil.	Singkatan	Pengertian
1.	HMTS	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
2.	MTS	Mahkamah Tinggi Syariah
3.	HMRS	Hakim Mahkamah Rendah Syariah
4.	MRS	Mahkamah Rendah Syariah
5.	PMTS	Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
6.	PPMRS	Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
7.	PB	Persetujuan Bersama

Proses Kerja

Pegawai bertanggungjawab	Proses Kerja
HMRS	<p>1. Merekodkan PB terhadap apa-apa perkara yang mana kausa tindakannya adalah di luar bidang kausa MRS tetapi di dalam bidang kuasa MTS dengan kehadiran kedua-dua pihak.</p> <p>2. Dengan kehendak sendiri, mengeluarkan perintah bahawa PB tersebut hendaklah <i>dirafa'kan</i> ke MTS untuk pengendorsan.</p> <p>Nota: Proses kerja 1 dan 2 boleh dibuat bersekali atau berasingan. Jika proses kerja 1 dan 2 dibuat bersekali, perintah untuk merafa'kan PB tersebut hendaklah dijadikan sebahagian daripada perintah/penghakiman. Jika proses kerja 1 dan 2 dibuat berasingan atau proses kerja 2 dibuat setelah perintah/penghakiman</p>

	bersih dikeluarkan, Hakim hendaklah menyediakan Perintah Rafa' Persetujuan Bersama sebagaimana di Lampiran B.
PPMRS	<p>3. Menyedia dan menyerahkan kepada PMTS:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Surat iringan; ii) Perintah HMRS yang merekodkan PB tersebut dan <i>merafa'kannya</i> ke MTS; iii) Perintah <i>Rafa'</i> Persetujuan Bersama (Lampiran B), jika perintah <i>rafa'</i> dibuat berasingan daripada perintah/penghakiman yang mengandungi PB tersebut; iv) Notis <i>Rafa'</i> Persetujuan Bersama (Lampiran C); dan v) Dokumen berkaitan. <p>4. Menyerahkan Notis <i>Rafa'</i> (Lampiran C) kepada pihak-pihak atau Peguam Syarie bersama Perintah/Penghakiman MRS.</p>
PMTS	<p>5. Menerima dan mendaftarkan kes di bawah kod kes berkaitan di dalam sistem e-Syariah.</p> <p>Nota: Tidak ada fi dikenakan kepada mana-mana pihak bagi keseluruhan prosiding termasuklah pendaftaran dan perintah.</p> <p>6. Menetapkan Hakim dan serahkan fail kepada Hakim.</p>
HMTS	<p>7. Menjalankan prosiding pengendorsan tanpa kehadiran pihak-pihak.</p> <p>Nota: HMTS boleh memerintahkan kehadiran pihak-pihak dan/atau pengemukaan dokumen, jika perlu.</p>

	8. Membuat keputusan mengendorskan PB tersebut.
PMTS	9. Mengeluarkan perintah HMTS.